



**JABATAN HUTAN SARAWAK
NOTIS SEBUT HARGA**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada Pembekal / Kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kategori** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan dan perkhidmatan berikut:-

No. Ruj. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Pendaftaran UPKJ			Yuran Dokumen (RM)	Tarikh Tutup pengambilan/ Penjualan Dokumen Sebut Harga	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Sebut Harga
		Jenis Lesen: Bekalan Dan Perkhidmatan					
		Kategori	Kepala	Sub Kepala			
FD/Q/12/2026 (S) (RE-QUOTE)	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR HIDUPAN AKUATIK (LOKAN, SIPUT SEDUT DAN KETAM BAKAU) BAGI SISTEM TAGANG PERHUTANAN KAYANGERAN, LAWAS	C	V	3(e) (Aquaculture – Others)	10.00	26 Ogos 2026 (Rabu)	26 Ogos 2026 (Rabu) 12.00 tengahari
		OR					
		C	V	7 (Supply of Livestock)			

2. Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ)**, **SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN BUMIPUTERA** (jika berkenaan) dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (jika berkenaan) sebelum dokumen Sebut Harga dijual kepada pembekal / kontraktor yang layak.
3. Bayaran Yuran Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** atau **Kiriman Wang Pos (Money Order)** atau **Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order)** atau **S Pay Global** yang dibayar atas nama **Kerajaan Negeri Sarawak**.
4. Contoh Dokumen Sebut Harga boleh disemak dan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai **14 Ogos 2026 (Jumaat)** hingga **26 Ogos 2026 (Rabu)** pada waktu pejabat di alamat **PEJABAT HUTAN WILAYAH MIRI MENARA 3, LOT 3512, JALAN MIRI PUJUT, KOMPLEKS ISLAM SARAWAK, 98000, MIRI, SARAWAK**.
5. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor** dan **Tajuk Sebut Harga**. Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah.

**PENGERUSI JAWATANKUASA SEBUT HARGA
PEJABAT HUTAN WILAYAH MIRI
MENARA 3, LOT 3512, JALAN MIRI PUJUT,
KOMPLEKS ISLAM SARAWAK,
98000, MIRI, SARAWAK.**

6. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"**

**[DATU HAJI HAMDEN BIN HAJI MOHAMMAD]
Pengarah Hutan
SARAWAK**